

**LEMBAGA PELABUHAN BINTULU****KENYATAAN TENDER**

Pelawaan ini adalah terbuka kepada kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan seperti berikut-

NO. RUJUKAN	BUTIR-BUTIR PELAWAAN	KOD BIDANG/ BIDANG KAJIAN	TARIKH LAWATAN TAPAK DAN PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI	TEMPAT, TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL DAN PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI	SYARAT UTAMA PELAWAAN	TARIKH BUKA & TUTUP DAN WAKTU TENDER TUTUP
LPB/2020/T01	TENDER CADANGAN PEMBANGUNAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER BAGI LEMBAGA PELABUHAN BINTULU (TENDER SEMULA)	210104 : SOFTWARE/ SYSTEM DEVELOPMENT/ CUSTOMIZATION AND MAINTENANCE.	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI:  PUAN HIDA BT JERMAN 086-232824  ATAU  PUAN RAJUNAWATI BT ABDUL RAJID 086-232814  ATAU  PUAN NOR AZIAH BT JAIMIN 086-232872  ATAU  PUAN SITI AIDA SUPINAH BT KARIM 086-232815	SEKSYEN KEWANGAN ARAS 9, MENARA KIDURONG, KM12, JALAN TANJUNG KIDURONG, BINTULU, SARAWAK  08 JUN 2020 SEHINGGA 07 JULAI 2020  NO. UNTUK DIHUBUNGI:	KONTRAKTOR HENDAKLAH BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DI BAWAH KOD BIDANG DITETAPKAN.	TARIKH BUKA 08 JUN 2020  TARIKH TUTUP 07 JULAI 2020 JAM 12.00 TENGAHARI
LPB/2020/T02	TENDER MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MIGRASI, MENGONFIGURASI, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERKAKASAN DAN PERISIAN BAHARU PUSAT DATA LEMBAGA PELABUHAN BINTULU (TENDER SEMULA)	210102 : HARDWARE (HIGH END TECHNOLOGY).	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI:  EN. AZMAT BIN ANNUAR 086-232887  ATAU  CIK JARIFFAH BINTI RAMLI 086-2328787	URUS SETIA PEROLEHAN 086-232815/ 086-232822		

- Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan/ Tender.
- Petender-petender yang ingin menyertai tender hendaklah membeli Dokumen Tender secara atas talian dengan menghubungi **Urus Setia Perolehan di talian 086-232815 atau 086-232822 dengan menyatakan No. Rujukan Tender.**
- Softcopy dokumen tender beserta no siri hanya akan diserahkan melalui emel setelah:-
  - Sijil dari Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang/ bidang kajian yang ditetapkan dikemukakan kepada Urus Setia Perolehan untuk semakan dan pengesahan; dan
  - Bukti pembayaran disertakan.
- Dokumen Tender boleh diperolehi dengan bayaran sebanyak RM10.00 sahaja.
- Bayaran bagi Dokumen Tender hendaklah dibuat melalui *electronic fund transfer* (EFT) atau pembayaran atas talian melalui platform pembayaran seperti FPX dan dibayar atas nama **BINTULU PORT AUTHORITY**. Sila hubungi Urus Setia Perolehan untuk mendapatkan maklumat pembayaran.

6. Satu petender hanya dibenarkan membeli satu (1) Dokumen Pelawaan/ Tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja. **TAWARAN ALTERNATIF ADALAH TIDAK DIBENARKAN.**
7. Semasa pendaftaran, petender-petender hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia **yang masih sah dan berkuatkuasa.**
8. Lawatan tapak adalah **DIGALAKKAN** bagi memberi kemudahan kepada petender untuk mengenalpasti keperluan peralatan dan keluasan kawasan bagi tujuan penawaran harga tender. Dalam hal ini, sekiranya petender mahu melawat sendiri kawasan atau tapak, amalan penjarakan, penggunaan hand sanitizer dan pemakaian face mask adalah perlu diteruskan. Petender dikehendaki membawa bersama Cop Rasmi syarikat.
9. Kesemua Dokumen Pelawaan/ Tender hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul bersaiz besar/kotak yang berlakri (*sealed*). Sampul/kotak berkenaan hendaklah ditulis seperti berikut:-

Nombor Tender : *Rujuk No. Tender dalam Jadual di atas*

**TAJUK TENDER**  
(*Rujuk tajuk tender dalam Jadual di atas*)

Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan Bintulu  
Aras 9, Seksyen Kewangan  
Menara Kidurong  
KM12, Jalan Tanjung Kidurong  
Bintulu, Sarawak

**Tawaran tender hendaklah dihantar sebelum atau pada jam 12.00 tengahari** sebelum atau pada tarikh tutup tender seperti yang tertera dalam jadual di atas.

10. Tawaran tender tidak akan dipertimbangkan sekiranya:-
  - (a) Petender **LEWAT** mengemukakan tawaran tender; dan
  - (b) Petender **GAGAL** mengemukakan dokumen wajib seperti yang dinyatakan dalam Dokumen dan Borang Tender.
11. **Lembaga Pelabuhan Bintulu tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.**
12. Lembaga Pelabuhan Bintulu tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa perbelanjaan dan kerugian yang mungkin ditanggung oleh petender semasa menyediakan dan menghantar tender.
13. Iklan tender ini juga boleh dirujuk di laman web Lembaga Pelabuhan Bintulu di alamat <http://www.bpa.gov.my>.